

my

Edisi 2/2022 | Jul - Dis | Perpustakaan Laman Hikmah

HIKMAH



Peringkat Universiti Awam 2022

- KIK VARIANT TERIMA PENARAFAN EMAS**
- Penjenamaan Buletin Kepada MyHikmah
 - Program ICT Training @ PLH
 - Sumbangan Buku- Pameran Permainan Tradisional
 - Lawatan Pelajar Baharu Minggu Haluan Siswa
 - Audit MaPTeP Bangunan PLH
 - Jalinan Komuniti 2022

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Siti Saluwa Binti Jamal

KETUA EDITOR

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

EDITOR

Hasliza binti Mohamed

PEMBACA PRUF

Noraini binti Mohd Noor

PENGARANG

Rasida binti Abu Bakar

Nurul Akmar binti Mehat

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Noraini binti Mohd Noor

Arman bin Mohammad

Mahadir bin Che Ali

Norazizah binti Md Tahir

Mez Zelina binti Yusof

Ahmad bin Abu Bakar

Nor Ilyah binti Othman

Suhadawati binti Ahmad

Hasliza binti Mohamed

Wizana binti Abd Jalil

PEREKABENTUK GRAFIK/ FOTO

Mohd Siddiq Azizi bin Jais

Mohamad Azhari bin Johari

PENYELARAS LIPUTAN

Muhammad Hafeez bin Zainuddin

Ahmad bin Abu Bakar

Kamariah binti Kamis

Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi

Norfazlin binti Tambi Chek

Perpustakaan Laman Hikmah,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Phone: +6062701200

Email: lamanhikmah@utem.edu.my

Buletin MyHikmah akan diterbitkan dua kali setahun

Copyright © 2022 PLH | Perpustakaan Laman Hikmah.

All Right Reserved

KANDUNGAN

- Sekapur Sirih 03
- Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif Kali Ke-6 UTeM: Pasukan Variant PLH Terima Anugerah Persembahan Terbaik & Naib Johan 04
- KIK Universiti Awam: Kumpulan Variant PLH Terima Penarafan Emas 05
- Penjenamaan Buletin Kepada MyHikmah 08
- Sumbangan Bahan–Profesor Adjung Universiti Teknikal Malaysia Melaka 09
- Lawatan Prof. Adjung YBhg. Prof Datuk Dr. Mohamed Hatta B. Shaharom Ke Anjung Sasterawan 10
- Lawatan Pelajar Baharu Sempena Minggu Haluan Siswa Sesi 2022/2023 11
- Sarapan Pagi Percuma Di Perpustakaan Laman Hikmah 12
- Program ICT Training @PLH 13
- Pameran Permainan Tradisional 15
- Sumbangan Bahan Bacaan 16
- Bengkel Pelan Strategik Perpustakaan Laman Hikmah 2023-2025 17
- Program Pengembangan Pengetahuan Staf PLH Melalui Kursus Library Transformation And Moving Beyond 18
- Bengkel Penulisan Pantun : Biblioterapi, Buku Terapi Minda-Siri 2 20
- Bengkel Pemurnian Buku Kumpulan Pantun: Biblioterapi, Buku Terapi Minda-Siri Akhir 21
- Projek Komuniti 'Sudut Hikmah' Masjid Al-Gaffar Jasin 22
- Audit Tenaga: MaPTEP -Bangunan PLH 24
- Kesedaran Mengenai Penjimatan Tenaga Elektrik dan Kelestarian Alam Sekitar 25
- Riadah 'Beruang Hill' 2022 LISTAC 26
- Program Jalinan Komuniti 2022 27
- Lawatan Luar Ke Perpustakaan Laman Hikmah 2022 28
- PLH Johan Pertandingan Ptj Terindah Peringkat Universiti - Sudut 5ST 29
- SUTAF 2022 – Kontingen Tuah Juara Sukan Staf 30
- Perkongsian : Apa Itu Perancangan Strategik? 31
- Bicara Pengalaman: Perkongsian Maklumat Bersama Pelajar Sekolah Rendah 33
- Program Sembang Autem@Memori Korporat: Menelusuri Kecemerlangan Dan Kegemilangan UTeM Sesi 2: Tiada Dulu, Tiadalah Sekarang 34
- Penerbitan PLH 2022: Buku Persada Ilmu 35
- Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah 36
- Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Jasa Bakti 2021 37
- Belasungkawa 38

Sekapur Sirih



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Buletin MyHikmah ini. Dengan kesinambungan penerbitan buletin MyHikmah ini, saya yakin semua warga PLH dapat berkongsi maklumat terhadap perkembangan aktiviti di PLH kepada warga UTeM. Buletin ini juga dilihat sebagai wadah kepada staf PLH mencetuskan idea kepada penulisan dalam hebahan berita untuk dikongsi bersama kepada warga UTeM. Tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang editor yang telah menggembeng tenaga, usaha dan fikiran untuk menerbitkan buletin ini.

Diharapkan penerbitan Buletin MyHikmah edisi 2/2022 ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada warga PLH yang telah memberikan sepenuh komitmen terhadap segala pelaksanaan bagi perancangan PLH sepanjang tahun 2022.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


Tahun 2022 juga menyaksikan Pelan Strategik PLH 2023-2025 dibangunkan sebagai satu usaha dalam memastikan hala tuju prestasi PLH terarah. Secara amnya pelan strategik ini difokuskan kepada enam teras strategik utama yang diyakini dapat mengadaptasikan PLH dengan situasi dan peranan untuk kekal relevan. Samalah kita memberikan sepenuh komitmen terbaik dalam memastikan kejayaan pelaksanaan.

Akhir kata, saya menyeru agar kita terus berganding bahu dalam apa jua usaha yang diketengahkan oleh PLH demi kesejahteraan kepada warga UTeM.

PUAN SITI SALUWA JAMAL
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF KREATIF KALI KE-6 UT_eM: PASUKAN VARIANT PLH TERIMA ANUGERAH PERSEMBAHAN TERBAIK & NAIB JOHAN

Oleh : Wizana binti Abd Jalil



Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif merupakan laluan terbaik kepada semua pusat tanggungjawab dalam mengetengahkan projek-projek inovasi dan meningkatkan kualiti di setiap pusat tanggungjawab bagi perkongsian bersama. Setelah hampir dua (2) tahun berehat akibat pandemik Covid19, Jawatan kuasa penganjur Konvensyen KIK UT_eM telah berjaya melaksanakan Konvensyen di peringkat UT_eM.

Konvensyen (KIK) kali ke-6 peringkat UT_eM telah diadakan pada 11 Ogos 2022 (Khamis) bertempat di Dewan Auditorium Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Kampus Induk, UT_eM. Lapan (8) kumpulan KIK telah bertanding di mana enam (6) kumpulan terdiri daripada Kategori Pengurusan dan dua (2) kumpulan dari Kategori Teknikal. Fakulti dan pusat tanggungjawab yang telah menghantar peserta adalah seperti Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Pejabat Pendaftar, Bendahari dan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH). Panel pertandingan kali ini melibatkan pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan

Proton, Tanjung Malim. Pihak penganjur telah menyediakan hadiah-hadiah yang menarik bernilai RM 500.00 sehingga RM 3,000.00 berdasarkan kualiti projek yang dipertandingkan dan kematangan persembahan kumpulan. Pemenang konvensyen kali ini akan menjadi wakil UT_eM di peringkat Universiti Awam (UA) dan seterusnya di peringkat 'regional' MPC. PLH Variant adalah satu-satunya kumpulan KIK yang bertanding dalam Kategori Teknikal

Kumpulan ini terdiri daripada enam (6) orang ahli dan seorang (1) fasilitator. Tajuk projek adalah "Tempoh Masa Yang Lama Diambil Bagi Proses Pemilihan Bahan Sumbangan" dengan menghasilkan produk inovasi yang diberi nama "BD Box" iaitu hasil inspirasi daripada kotak sumbangan yang telah direka dengan mempunyai ciri yang lebih selamat, mesra pengguna, jimat dan menarik perhatian. PLH Variant telah dinobatkan pemenang bagi persembahan terbaik dan naib johan bagi Kategori Teknikal yang berjaya membawa pulang sebuah trofi, wang tunai bernilai RM 2,500.00 serta sijil penyertaan.



KIK UNIVERSITI AWAM: KUMPULAN VARIANT PLH TERIMA PENARAFAN EMAS

Oleh : Wizana binti Abd Jalil

Penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam (UA) diteruskan untuk kali ke-16 pada tahun 2022 merupakan konvensyen tertinggi bagi mengetengahkan dan mengiktiraf hasil daya pemikiran kreatif dan inovasi warga universiti awam terutamanya di peringkat kebangsaan. Penganjuran kali ini adalah dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) yang telah diadakan secara dalam talian pada 20 hingga 21 September 2022.

Objektif pelaksanaan KIK ini adalah untuk mencungkil cetusan idea baharu dalam reka bentuk dan inovasi kreatif, menerapkan kreativiti dalam usaha peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan, menggalakkan persaingan sihat menerusi aktiviti inovasi, sains dan teknologi serta menjadi landasan untuk berkongsi amalan terbaik serta berkesan yang boleh diaplikasikan dalam pengurusan dan pentadbiran seterusnya menjadi pemangkin terhadap penyelidikan, inovasi daya cipta yang unggul.



Majlis penyerahan sijil penarafan Emas oleh Naib Canselor UTeM

Sebanyak 48 penyertaan diterima pada Konvensyen KIK UA pada tahun ini melibatkan 28 penyertaan bagi Kategori Pengurusan dan 20 penyertaan bagi Kategori Teknikal. Terdapat empat (4) kumpulan telah mewakili UTeM mengikut Kategori Pengurusan (2 kumpulan) dan Kategori Teknikal (2 kumpulan). Kumpulan KIK PLH Variant telah mendapat pengiktirafan emas bagi Kategori Teknikal dengan memperjuangkan projek yang bertajuk “Tempoh Masa Yang Lama Diambil Bagi Proses Pemilihan Bahan Sumbangan”. Projek ini menghasilkan sebuah kotak sumbangan bahan yang lebih selamat, mesra pengguna, jimat dan menarik perhatian. Kejayaan kumpulan membuktikan bahawa inovasi yang terhasil mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan terutamanya dalam pendidikan tinggi.





Sekitar persembahan pada hari pertandingan.





PENJENAMAAN BULETIN KEPADA MyHikmah

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Laman Hikmah bil. 3/2022 pada 31 Mac 2022 telah bersetuju untuk penjenamaan semula nama Buletin Perpustakaan kepada MyHikmah. Nama Buletin Perpustakaan sebelum ini, telah digunapakai sejak mula diperkenalkan pada tahun 2009.

Tujuan utama penjenamaan ini adalah untuk memastikan perubahan seiring dengan situasi dan peranan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) untuk memberi manfaat kepada warga UTeM dan menjadi pusat sehenti untuk mendapatkan pelbagai kandungan maklumat berkenaan PLH.

Dalam usaha mengukuhkan penjenamaan, nama MyHikmah tampil kompetitif dengan hala tuju kandungan buletin yang lebih strategik selain pemerksaan kandungan agar lebih terkini serta mantap. Namun masih mengekalkan objektif sebelumnya untuk menjadi platform penyebaran dan perkongsian ilmu dalam menyebarkan luas maklumat PLH kepada semua warga UTeM sama ada melalui media elektronik dan cetakan.

Proses mendapatkan nama untuk perubahan ini dilakukan dalam tempoh dua bulan dengan membuka peluang kepada semua staf bagi memberikan cadangan nama yang dirasakan bersesuaian dengan mengambil kira perkembangan PLH sejak 2009.

Ia bukan setakat menitikberatkan daripada aspek pertukaran nama semata-mata. Sebaliknya, daripada segi kandungan dan pengisian maklumat terbaik.

Pemilihan nama MyHikmah yang cukup ikonik dengan Perpustakaan Laman Hikmah. MyHIKMAH merupakan gabungan dua perkataan iaitu My bermaksud saya atau aku dan Hikmah bererti kebijaksanaan, kebijakan, kebestarian, kecerdikan, kepandaian, rahmat, faedah, kebaikan, manfaat, fadilat dan keuntungan.

Tahniah kepada Cik Rasida binti Abu Bakar yang telah berjaya dalam cadangan penamaan baharu bagi buletin perpustakaan. Secara holistik dengan penjenamaan nama buletin ini di harap dapat memberi peluang dan mengasah bakat melalui penulisan ilmiah di kalangan staf PLH secara berterusan.

SUMBANGAN BAHAN BACAAN: PROFESOR ADJUNG, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Oleh : Noraini binti Mohd Noor



Rombongan empat orang staf dari Perpustakaan Laman Hikmah, (PLH) di Melaka yang dipimpin oleh Puan Noraini Mohd Noor (Pustakawan Kanan) telah mengunjungi rumah YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom di Mishkatun-Nur 1, Taman Berlian Batu Cave, Selangor pada 6 Julai 2022 (Rabu).

Tujuan lawatan tersebut diadakan bagi pengambilan tujuh (7) buah kotak berisi koleksi buku termasuk karya peribadi beliau kepada PLH. Beberapa buah kotak telah didermakan ke universiti lain sebelum ini dan banyak lagi kotak yang akan didermakan kepada yang memerlukan. Bukan mudah bagi seorang penulis hendak melepaskan koleksi bukunya kepada orang lain. Namun, lebih baik ianya berada di perpustakaan sebuah universiti yang mana beliau adalah mantan Profesor Adjung untuk rujukan warga universiti.

Pihak PLH ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Prof. Datuk Dr. kerana telah menyumbangkan koleksi buku beliau kepada perpustakaan. Beliau juga telah memberikan buku penulisan beliau yang baharu dilancarkan pada Jun 2022 kepada staf sebagai cenderahati dan juga koleksi perpustakaan berjudul Saudara Sedarah Satu Sejarah.

Semoga sumbangan yang diberikan dapat dimanfaatkan oleh warga UTeM.



LAWATAN PROF. ADJUNG YBHG. PROF DATUK DR. MOHAMED HATTA B. SHAHAROM KE ANJUNG SASTERAWAN

Oleh : Mez Zelina binti Yusof

Pada 19 Ogos 2022, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menerima kunjungan daripada YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom, Profesor Adjung, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shaharom meluangkan masa melawat Laman Sasterawan Universiti PLH, Kampus Induk UTeM. Laman Sasterawan Universiti ini menempatkan koleksi penerbitan beliau bagi tujuan rujukan warga UTeM.

Beliau juga telah diberikan penerangan berkenaan usaha ini adalah sebagai pendedahan tentang karya kesusasteraan serta mampu memupuk kemahiran insaniah kepada warga UTeM. Secara keseluruhan beliau amat berbangga dengan inisiatif PLH ini.

PLH mengucapkan jutaan terima kasih kepada beliau kerana sudi mengunjungi Laman Sasterawan Universiti serta menyumbangkan buku koleksi peribadi beliau.



LAWATAN PELAJAR BAHARU SEMPENA MINGGU HALUAN SISWA SESI 2022/2023

Oleh : Mez Zelina binti Yusof



Lawatan pelajar sempena Minggu Haluan Siswa ke Perpustakaan Laman Hikmah pada 6 Oktober 2022. Tahniah dan selamat datang pelajar baharu TUAH UTeM Sesi 2022/2023. Semasa sesi ini, para pelajar diberikan penerangan secara asas berkenaan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan, selain itu turut diberikan panduan mengeksploitasikan semua sumber-sumber yang ada bagi memastikan memperoleh kualiti perkhidmatan terbaik yang ditawarkan oleh perpustakaan dalam membantu proses pembelajaran dan menyiapkan tugas mereka kelak.


SARAPAN PAGI PERCUMA DI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Oleh : Arman bin Mohammad

Pelbagai inisiatif dilakukan oleh pengurusan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi membantu meringankan beban kos makanan yang dihadapi oleh mahasiswa dewasa ini. Antara lain adalah memperkenalkan Menu Keluarga UTeM yang bertujuan untuk mengawal kenaikan harga makanan dan minuman di dalam kampus.

Di atas keprihatinan dan rasa tanggungjawab bersama, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), telah mengambil inisiatif mengadakan Program Sarapan Pagi Percuma kepada pengguna perpustakaan. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang memerlukan dan terkesan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Melalui program ini, PLH menyediakan nasi lemak dan air mineral menerusi peruntukan sumbangan dari orang perseorangan di samping makanan lain hasil sumbangan oleh warga Universiti yang ingin berkongsi rezeki bersama-sama golongan sasar tersebut.



Program ini telah bermula semenjak September lalu dan dirancang untuk diteruskan sebanyak dua (2) kali sebulan. Sarapan percuma ini disediakan bertempat di lobi perpustakaan di kedua-dua kampus seawal jam 8.30 pagi untuk dinikmati oleh para pengguna.

Usaha murni ini menunjukkan keprihatinan dan semangat kebersamaan di kalangan warga UTeM khususnya kepada semua dermawan yang telah menghulurkan sumbangan. PLH merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas sokongan tersebut dan mengalu-alukan lebih ramai lagi penyumbang untuk kelangsungan program ini di masa akan datang.

Semoga program ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan PLH dengan pengguna dan meraih keberkahan Allah SWT demi kemaslahatan ummah. Maklumat lanjut berkaitan program dan sumbangan boleh berhubung dengan Puan Rohana binti Hashim, Pembantu Pustakawan di talian 06-270 1203 atau Puan Nurul Atika binti Harudin di talian 06-270 1278.



PROGRAM ICT TRAINING @ PLH

Oleh : Mahadir bin Che Ali

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) sentiasa menyokong hasrat universiti dalam merealisasikan tema dan rangka strategik keempat universiti iaitu 'Memperkasakan Potensi Komuniti' dengan menjadi pusat rujukan setempat bagi kemakmuran dan kesejahteraan komuniti terutamanya dalam aspek perkongsian maklumat, kepakaran dan khidmat nasihat. Perkara ini memberi impak positif dalam

penyediaan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti melalui program penganjuran atau aktiviti dari semasa ke semasa.

Justeru itu, Bahagian Sistem & Teknologi Maklumat, PLH telah mengambil inisiatif mengadakan program perkongsian ilmu dan pengalaman di antara staf di pusat tanggungjawab dalam usaha menonjolkan peranan perpustakaan dalam memacu aktiviti ilmu supaya sentiasa relevan dengan fungsinya.

Program ini telah diadakan sebanyak dua (2) sesi iaitu pada 28 Julai 2022 (Khamis) dan 4 Ogos 2022 (Khamis) bertempat di Bilik Pangkalan Data selama 2 jam yang melibatkan seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada Pembantu Pustakawan dan Pembantu Pustakawan Kanan daripada semua bahagian. Masa program adalah bermula pada jam 10.30 pagi sehingga 12.30 tengahari.



Antara objektif penganjuran program ini adalah :-

- Usaha dan inisiatif untuk perkongsian pengetahuan, kemahiran dan pengalaman melalui penganjuran aktiviti-aktiviti Perpustakaan.
- Meningkatkan imej PLH dalam penganjuran aktiviti keilmuan yang memberi manfaat kepada staf khususnya dan warga universiti secara umumnya.
- Memberikan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada staf khususnya dalam aspek pengukuhan ICT di pusat tanggungjawab atau organisasi.
- Menggalakkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam pengurusan serta penggunaan ICT.

Modul Program ICT Training@PLH adalah seperti di bawah:

Sesi 1

Tarikh	Masa	Tempat	Modul Program
28 Julai 2022 (Khamis)	10.30 – 11.30 pagi	Bilik Pangkalan Data	Penggunaan Apps BSTM Penceramah :- Encik Mohd Ikbar bin Abdul Jabbar
28 Julai 2022 (Khamis)	11.30 – 12.30 tengahari	Bilik Pangkalan Data	Windows Keyboard Shortcuts Penceramah :- Encik Norhairol bin Khalid

Sesi 2

Tarikh	Masa	Tempat	Modul Program
4 Ogos 2022 (Rabu)	10.30 – 11.30 pagi	Bilik Pangkalan Data	Penggunaan VPN (Virtual Private Network) Penceramah :- Encik Mahadir bin Che Ali
28 Julai 2022 (Khamis)	11.30 – 12.30 tengahari	Bilik Pangkalan Data	Pengaksesan WebOPAC Penceramah :- Encik Mohamad Rashid bin Jantan



PAMERAN PERMAINAN TRADISIONAL

Oleh : Mez Zelina binti Yusof

Menurut Kamus Dewan, permainan tradisional merujuk kepada permainan budaya yang sudah diamalkan oleh sesuatu masyarakat itu untuk satu tempoh yang tertentu. Permainan tradisional telah berupaya membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita. Asas penting yang menjamin kesinambungan permainan tradisional pada masa lalu ialah keseragaman cara hidup nenek moyang kita.

Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas, ini adalah peribahasa yang perlu kita jadikan pegangan dan panduan dalam usaha untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat Malaysia. Permainan tradisional dapat ditakrifkan secara literal sebagai permainan budaya yang sudah diamalkan oleh sesuatu masyarakat untuk satu tempoh tertentu.

Pameran permainan tradisional ini telah diadakan pada 21 Jun 2022 di Ruang Pameran Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk dengan membawa kita mengimbas kembali kemeriahan permainan tradisional ini yang semakin dilupakan oleh generasi muda masa kini. Selain itu, pameran ini juga diharapkan dapat membantu usaha untuk menyemai kembali rasa cinta terhadap permainan tradisional yang menjadi warisan budaya di kalangan seluruh masyarakat Malaysia sejak sekian lamanya.



SUMBANGAN BAHAN BACAAN

Oleh : Nor Ilyah binti Othman

PLH bertanggungjawab dalam membangunkan koleksi perpustakaan bagi pengembangan dan memperkasakan ilmu yang berterusan kepada warga UTeM sekaligus menyokong proses penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Secara amnya, Seksyen Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran menguruskan bahan sumbangan

melalui hadiah dan pertukaran. Bahan hadiah merupakan salah satu alternatif dalam membantu memperkaya koleksi perpustakaan. Bahan sumbangan ini diperolehi secara percuma dari orang perseorangan atau institusi serta kotak sumbangan yang diletakkan di setiap fakulti dan pusat tanggungjawab. Bagi tahun 2022,

sebanyak 868 naskah (sehingga 31 Oktober 2022) bahan sumbangan telah dipilih untuk dijadikan koleksi PLH. Selain itu, bahan sumbangan yang tidak dijadikan koleksi PLH akan disumbangkan kepada komuniti bagi dimanfaatkan secara berterusan. Semoga sumbangan bahan bacaan ini akan berterusan dalam usaha memperkasakan budaya ilmu.



BENGKEL PELAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH 2023-2025

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali



Pelan Strategik Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) 2023-2025 ialah lanjutan visi dan misi PLH dengan tumpuan kepada enam (6) teras strategik yang disesuaikan dengan Pelan Strategik UTeM 5 Strategic Trust (5ST) 2023-2025 lanjutan penjarangan dari Seven Strategic Goal (SSG) 2020-2022.

Bengkel ini bertujuan membina satu pelan strategik yang boleh dijadikan rujukan dalam PLH merancang, melaksanakan, memantau dan menilai program atau aktiviti berdasarkan strategi, pelan tindakan dan petunjuk prestasi utama (KPI)

yang telah ditetapkan bagi mencapai matlamat dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian agenda PLH dan UTeM. Bengkel ini disertai oleh 26 peserta terdiri dari kalangan warga kerja PLH. Dr. Mohd Faizal Bin Hamzah, Pustakawan Kanan dan Pensyarah Sambilan di



Universiti Malaya merupakan penceramah serta fasilitator bagi bengkel ini. Bagi mendapatkan idea yang bernas dengan persekitaran yang berbeza dari situasi harian bekerja, bengkel ini telah diadakan di luar UTeM iaitu di Ayer Keroh Country Resort.

Pelan Strategik PLH 2023-2025 ini diharapkan dapat beradaptasi dengan zaman Revolusi Industri Keempat (IR4.0) yang meliputi kepintaran buatan (artificial intelligence), data raya (big data) dan adaptasi terhadap teknologi dalam usaha

mereformasikan program atau aktiviti dan perkhidmatan. Selain itu, PLH juga berusaha untuk terus berfokus untuk menyediakan sumber ilmu keserjanaan, sebagai hub maklumat ilmiah dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

PROGRAM PENGEMBANGAN PENGETAHUAN STAF PLH MELALUI 'KURSUS LIBRARY TRANSFORMATION AND MOVING BEYOND'

Oleh : Suhadawati binti Ahmad



Pada 27-28 September 2022 menerusi kerjasama bersama antara PLH dan Unit Latihan dan Penjanaan, Pejabat Pendaftar telah berjaya melaksanakan Kursus 'Library Transformasi and Moving Beyond' khas untuk skim S19-S48. Kursus ini telah diadakan di Ruang Tayang, Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk selama 2 hari dengan penyertaan seramai 37 orang staf.

Kursus ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah dari Universiti Malaya iaitu Puan Shamsiah binti Abu Bakar. Beliau merupakan Penolong Ketua Pustakawan (S48) yang telah dilantik sebagai Pengurus (Pentadbiran) Pusat Asasi Sains Universiti Malaya. Antara kandungan kursus yang diketengahkan adalah berkaitan Evolusi Institusi Perpustakaan, Perancangan Strategik, Komunikasi dan Kerja Berpasukan.

Pelaksanaan kursus ini bertujuan untuk menilai, memantapkan dan meningkatkan interpersonal staf perpustakaan. Selain itu, tujuan lain adalah mempersiapkan siaga staf dengan skop tugas akan datang merangkumi pemikiran kreatif untuk penghasilan inovasi, anjakan paradigma dalam mendakap teknologi dan era ICT IR 4.0.

Antara perkongsian yang dibuat dalam kursus ini adalah berkaitan kepentingan pengembangan minda staf dalam mengharungi cabaran akan datang di samping memupuk staf untuk keluar daripada zon selesa. Perkongsian pengalaman penceramah dalam memartabatkan bidang kepustakawan ini ke tahap yang lebih tinggi telah membantu staf supaya sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan di masa hadapan. Hal ini telah diterjemahkan oleh penceramah melalui perlantikan beliau sebagai seorang Pengurus (Pentadbiran) Pusat Asasi Sains Universiti Malaya.

Secara keseluruhan, kursus ini dapat membantu staf dalam memberikan idea inisiatif baharu yang bakal ditawarkan kepada pengguna pada masa sekarang dan akan datang. Kursus ini juga memberikan impak yang positif kepada staf dalam memantapkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan di PLH dan UTeM sendiri.



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



BENGKEL PENULISAN PANTUN : BIBLIOTERAPI, BUKU TERAPI MINDA – SIRI 2

Oleh : Rasida binti Abu Bakar



Pada 28 Jun 2022 telah diadakan Bengkel Penulisan Pantun: Biblioterapi Siri 2 di Bilik Latihan, PLH pada jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Bengkel kali ini merupakan sesi pembentangan pantun mengikut kumpulan. Antara pembentang pantun yang terdiri daripada wakil kumpulan ialah Puan Wizana Abd. Jalil, Encik Muhammed Rashid Mat Derus, Puan Norshahila Che Din, Puan Kamariah Khamis dan Puan Noraini Mohd Noor. Puan Nurul Akmar, salah seorang penyunting pantun projek buku ini telah mendedahkan contoh pantun yang baik, kesilapan yang sering

dilakukan, aspek yang perlu ditambahbaik, contoh pembayang pantun yang mempunyai maksud. Cik Rasida Abu Bakar, selaku ketua projek dan penyunting buku menyampaikan hasrat supaya setiap kumpulan perlu menyerahkan sejumlah rangkap pantun kepada penyunting untuk proses selanjutnya pada tarikh yang telah ditetapkan. Kesimpulannya, para peserta telah mendapat gambaran dan penjelasan yang baik berkaitan pantun yang telah disediakan oleh penyumbang pantun supaya boleh menghasilkan rangkap pantun yang estetik.



BENGKEL PEMURNIAN PENULISAN KUMPULAN PANTUN : BIBLIOTERAPI, BUKU TERAPI MINDA - SIRI AKHIR

Oleh : Rasida binti Abu Bakar

Pada 31 Oktober 2022, sebanyak 13 orang staf PLH telah menyertai siri akhir, Bengkel Pemurnian Buku Kumpulan Pantun: Biblioterapi ...Buku Terapi Minda yang bermula pada jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi di Bilik Pangkalan Data, PLH. Menurut ketua penyunting buku ini, Rasida Abu Bakar, tujuan utama bengkel hari ini adalah untuk memaklumkan perkembangan terkini projek buku kepada semua penyumbang pantun. Di samping itu, beliau juga telah membuat ulasan dan dapatan yang telah dikenalpasti semasa menyunting 500 rangkap pantun yang berkaitan dengan biblioterapi. Antara faktor yang jelas dikesan ialah kelemahan penyumbang pantun dalam menghasilkan rangkap pantun yang baik dan indah. Majoriti penyumbang pantun terdiri daripada individu yang pertama kali mengasah bakat dan kreativiti menyulam pantun. Selain itu, kekangan masa juga menjadi faktor kedua yang melambatkan proses menghantar rangkap pantun kepada penyunting. Secara keseluruhannya, semua penyumbang pantun berlapang dada menerima teguran, ilmu pengetahuan baharu dan input yang berguna daripada ketua penyunting. Projek buku ini dijangka akan diterbitkan pada tahun 2023.



PROJEK KOMUNITI 'SUDUT HIKMAH' MASJID AL-GAFFAR JASIN

Oleh : Noraini binti Mohd Noor

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menjalankan Projek Komuniti 'Sudut Hikmah' pada 13 Julai 2022 (Rabu) di Masjid Al-Ghaffar Jasin, Melaka. Seramai 12 orang staf PLH telah terlibat dalam menjayakan projek ini. Turut hadir bersama ahli jawatkuasa masjid bagi membantu melancarkan projek ini.

Objektif utama program ini adalah bagi melaksanakan tanggungjawab sosial pada komuniti setempat khususnya sekitar UTeM bagi menyokong pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, projek ini juga dapat menggalakkan keterlibatan staf perpustakaan dalam program yang berbentuk perkhidmatan kepada komuniti.





Aktiviti yang telah dijalankan melibatkan gerak kerja menaiktaraf sudut bacaan sedia ada dengan penambahan peralatan bagi menceriakan sudut bacaan masjid. Selain itu, PLH juga telah menyumbangkan sebanyak 256 naskah bahan bacaan. Aktiviti dijalankan secara bergotong-royong bermula jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari.

Di dalam ucapan aluan ketika majlis penutup projek komuniti ini, Ustaz Muhammad Mawardi bin Hj. Shafai selaku Ketua Agama Islam Daerah Jasin mengucapkan terima kasih kepada warga PLH di atas inisiatif projek yang telah dilaksanakan dalam usaha untuk memupuk dan menyemarakkan budaya membaca. Beliau juga mengharapkan projek sebegini dapat diteruskan dan semoga pihak UTeM dapat menjadikan masjid ini sebagai anak angkat bagi kelestarian sudut hikmah ini di masa akan datang.



AUDIT TENAGA: MaPTeP- BANGUNAN PLH

AUDIT DALAMAN MATRIK PENILAIAN SISTEM PENGURUSAN TENAGA PTj (MaPTeP) 2022

Oleh : Norazizah binti Md Tahir

Sebagai salah sebuah organisasi kerajaan yang mempunyai penggunaan tenaga yang tinggi, UTeM perlu mengurangkan penggunaan dan menggunakan tenaga dengan cekap bagi menjimatkan kos perbelanjaan universiti serta mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Beberapa kaedah pelaksanaan telah disenaraikan di dalam Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Tenaga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang merangkumi;

- Menggunakan tenaga dengan cara yang paling cekap, menjimatkan dan mesra alam.
- Mengaplikasikan teknologi terkini di samping amalan kecekapan tenaga dalam semua aspek operasi organisasi.
- Mendapatkan kaedah bagi mengurangkan penggunaan tenaga secara berterusan.
- Menguruskan kecekapan tenaga dengan mengambil kira keperluan dan piawaian bagi keutuhan operasi.
- Menyediakan latihan dan informasi kepada kakitangan berkaitan dalam pengurusan kecekapan tenaga.
- Menyokong usaha kerajaan dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Bagi menilai kaedah pelaksanaan, Audit Matrik Penilaian Sistem Pengurusan Tenaga PTj (MaPTeP) telah dijalankan pada 22 hingga 25 Ogos 2022. Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah di audit pada 22 Ogos 2022 oleh Dr. Azhan bin Ab. Rahman dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik (FTKEE) dan Ir. Dr. Mohamad Firdaus bin Sukri dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan juga merupakan Ketua Bahagian Tenaga Pintar. Proses audit melibatkan semakan dokumen di dalam fail, sudut tenaga dan lawatan sekitar bangunan PLH. Indikator penarafan bagi audit ini ialah Gold (skor purata lebih dari 3.5 markah), Silver (skor purata lebih dari 2.5 markah) dan Bronze (skor purata lebih dari 1.5 markah).



KESEDARAN MENGENAI PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Oleh : Norazizah binti Md Tahir

Kelestarian alam sekitar merupakan suatu perkara yang harus diberikan perhatian serius demi kepentingan sejagat. Dalam pengurusan tenaga, selain aspek penggunaan peralatan elektrik yang dapat menjimatkan tenaga para pengguna juga harus diberikan pengetahuan dalam melakukan penggunaan tenaga yang cekap. Dengan kata lain, pengguna harus diberikan kesedaran tentang betapa pentingnya penggunaan tenaga secara cekap kerana dapat menyelamatkan alam sekitar dan menjimatkan kos. Justeru itu, Ahli Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Tenaga Perpustakaan Laman Hikmah telah menjalankan tindakan mengenai kesedaran kecekapan tenaga kepada pengguna dan juga staf perpustakaan.

Antara aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2022 ialah;

- Edaran brosur maklumat kecekapan tenaga.
- Promosi poster penjimatan penggunaan elektrik dan air pada setiap bulan di media sosial PLH.
- Taklimat kesedaran kepada pengguna perpustakaan dan staf pembersihan di PLH.
- Menaiktaraf laman web pengurusan tenaga PLH.
- Kemaskini beberapa papan kenyataan di dalam bangunan PLH dengan maklumat dan statistik terkini.

Oleh kerana berjimat itu amalan terpuji dan boros pula adalah amalan terkeji, maka marilah kita sama-sama menyemai, mendidik dan membudayakan diri kita agar sentiasa bijak dan cekap dalam penggunaan dan penjimatan tenaga elektrik dan air bagi menjamin kelestarian alam sekitar.



RIADAH 'BERUANG HILL' 2022 LISTAC

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali



Kelab Staf Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka atau singkatannya LISTAC telah mengadakan aktiviti berbentuk riadah dan rekreasi dengan mendaki Bukit Beruang di Melaka pada 30 Julai 2022 yang lalu. Aktiviti ini telah mempelawa ahli yang berminat serta mempunyai kelapangan masa bagi menyertainya sebagai acara santai di hujung minggu. Alhamdulillah aktiviti ini telah mendapat penyertaan seramai tujuh orang ahli.

Aktiviti itu dilakukan berpaksikan matlamat untuk mengeratkan silaturahim sesama ahli, selain mencabar diri dengan menimba pengalaman melalui aktiviti yang sihat serta sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Aktiviti ini bermula pada jam 8 pagi, dimana semua peserta berkumpul di kawasan parkir. Seterusnya mengambil laluan trek pendakian berliku sejauh 4 kilometer yang mengambil masa selama 2 jam. Apabila berada di puncak dengan ketinggian 116 meter, para peserta dapat melihat pemandangan Melaka yang sangat cantik dan mendamaikan serta amat teruja sekali. Pada jam 10 pagi semua peserta turun kembali dan tiba di tapak permulaan dengan selamat.

Sungguhpun aktiviti ini dilihat agak lasak dan menguji mental serta fizikal, rata-rata peserta bukanlah

boleh dianggap pendaki tegar dalam bidang pendakian ini namun dapat merasakan pengalaman pendakian serta mencabar stamina. Melalui aktiviti ini, ia dapat membakar kalori dengan banyak kerana membabitkan pergerakan kardio kerana pendakian bukit tergolong dalam satu daripada lima latihan kardiovaskular terbaik yang memberikan banyak kelebihan kepada tubuh. Selain menguatkan otot kaki, latihan sebegini juga turut memberi kesan baik kepada pinggul dan paha, jika dilakukan secara serius.

Secara keseluruhannya, aktiviti ini telah memenuhi objektifnya kepada semua peserta yang mengikutinya. Peserta berpendapat walaupun agak keletihan mereka merasakan aktiviti amat baik untuk mengurangkan tekanan serta menambah keyakinan diri melalui pemandangan kehijauan semula jadi alam sekitar. Tanpa stamina yang mencukupi peserta mungkin boleh tersadai atau 'give up' di tengah perjalanan.

Penghargaan juga diberikan kepada rakan pendakian dari Kelab HuhawHikers yang bersama-sama mengikuti pasukan kami semasa pendakian, tentunya dengan pengalaman yang mereka ada sedikit sebanyak memberi satu perkongsian pengetahuan berguna kepada kami.

PROGRAM JALINAN KOMUNITI 2022

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Kira-kira 30 orang staf Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM telah terlibat dalam dalam Program Jalinan Komuniti di dua (2) lokasi iaitu Pusat Sumber, Sekolah Kebangsaan Seri Bemban pada 6-7 Disember 2022 dan Sekolah Kebangsaan Bukit Senggeh pada 9 Disember 2022.

Antara pengisian program adalah menambahkan keceriaan Pusat Sumber Sekolah supaya lebih selesa dan menarik agar dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh guru dan murid di samping mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, ceria serta berlainan daripada di bilik darjah. Selain itu, program ini juga menerapkan elemen pendidikan melalui sesi perkongsian ilmu berkaitan bidang kepustakawanan kepada kepada guru dan pengawas pusat sumber terpilih.

Aktiviti yang diadakan ini adalah sebagai salah satu usaha warga perpustakaan dalam mendekati diri kepada komuniti terutama pusat sumber sekolah sekitar Melaka melalui sumbangan kepakaran bidang kepustakawanan serta memenuhi tanggungjawab sosial dalam memastikan peranan dan persekitaran dalaman pusat sumber yang kondusif.

Secara keseluruhannya, program ini merupakan sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah UTeM kepada pengurusan sekolah dengan memberikan khidmat nasihat dan bantuan dalam memastikan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dapat diuruskan secara sistematik dan efisien.

Program ini berjaya mendapat kerjasama yang baik dari kedua-dua sekolah sepanjang pelaksanaan program diadakan.

Terdahulu program yang sama juga pernah dilaksanakan di Masjid Al-Ghaffar Jasin (2022), Pusat Sumber Ibnu Khaldun, Sekolah Kebangsaan Sungai Udang (2020), Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Paya Rumput (2020) dan Pusat Sumber Mini, Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Daerah Jasin, Melaka (2019).



LAWATAN LUAR KE PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH 2022

Oleh : Ahmad bin Abu Bakar



Tarikh Lawatan	Institusi	Bilangan Peserta
7 Oktober 2022	SMK. Bandar Sungai Petani, Kedah	8 guru, 36 pelajar
27 Oktober 2022	Kolej Vokasional Ampangan, Seremban	13 guru
2 Disember 2022	SMK. Munshi Sulaiman, Batu Pahat	5 guru, 99 pelajar
14 Disember 2022	Kolej Tingkatan Enam Desa Murni, Pulau Pinang	8 guru, 34 pelajar

Antara tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk memberi pendedahan maklumat awal berkenaan UTeM serta sesi perkongsian maklumat berkaitan fungsi dan peranan perpustakaan kepada pengguna.

Pada setiap sesi lawatan peserta juga di bawa untuk melawat secara fizikal ke ruang kerja staf Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) secara lebih dekat bagaimana sesuatu perpustakaan itu berfungsi di belakang tabir. Selain itu, pelawat juga dibawa ke setiap ruang pengguna termasuk melihat sendiri fasiliti yang terdapat di PLH.

Diharapkan pada masa akan datang lebih ramai lagi pelawat akan mengunjungi PLH sebagai suatu usaha dalam mengukuhkan imej PLH seterusnya memantapkan kedudukan PLH sebagai perpustakaan akademik di Malaysia.



PLH JOHAN PERTANDINGAN PTJ TERINDAH PERINGKAT UNIVERSITI - SUDUT 5ST

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Pertandingan PTJ Terindah (Sudut 5ST) diadakan sempena Sambutan ke 22 Tahun Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Pertandingan ini berkonsepkan dekorasi ruang, sudut atau papan kenyataan berdasarkan 5 teras strategik universiti di dalam pelan strategik UTeM 2023-2025 yang bertemakan menjajar universiti melonjak ke hadapan.

Antara kandungan 5 teras strategik tersebut adalah:

ST1 : Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya

ST2 : Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan

ST3 : Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan

ST4 : Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti

ST5 : Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran

Lawatan penilaian telah dibuat pada 2 Disember 2022 oleh kumpulan juri yang dilantik. Perpustakaan Laman Hikmah telah menjadi johan dalam pertandingan ini. Tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan sudut 5ST ini.



SUTAF 2022 - KONTIGEN TUAH JUARAI SUKAN STAF

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Sukan Staf 2022 (SUTAF) telah dilangsungkan sepanjang Ogos hingga November 2022. Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) serta Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) telah bergabung dengan membentuk Kontigen Tuah pada edisi kali ini. Sebanyak 24 acara telah dipertandingan sepanjang tempoh itu. Syabas dan tahniah kepada Kontigen Tuah kerana telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi edisi kali ini. Semoga platform sukan ini dapat merapatkan lagi hubungan sillaturrahim antara staf di samping membudayakan semangat kesukanan di UTeM.



PERKONGSIAN : APA ITU PERANCANGAN STRATEGIK?

Oleh : Harulrizam bin Mohamed@Ghazali



Perancangan strategik merupakan satu proses dengan organisasi atau institusi dalam menetapkan hala tuju dan membuat keputusan tentang cara agihan dan penggunaan sumber-sumbernya dalam melaksanakan strategi tersebut. Dalam pelaksanaan perancangan strategik ini juga mengambil kira berkenaan komponen penting sasaran ke arah objektif organisasi/institusi dari segi aspek peluang, kelebihan, kelemahan dan ancaman. Organisasi/institusi juga perlu realistik dalam membuat sesuatu perancangan strategik agar ianya boleh dicapai dan berdaya saing dengan kesesuaian situasi garis waktu dan kehendak pihak berkepentingan serta sumber yang sedia ada. Skop perancangan strategik boleh meliputi jangkamasa pendek, sederhana dan panjang.

Kitaran Perancangan Strategik



Sumber: <http://gurutraining1.blogspot.com/p/perancangan-strategik.html>

Ia juga merupakan satu proses sistematik di mana visi dan misi organisasi atau institusi pada masa depan diterjemahkan ke dalam bentuk halatuju dan matlamat yang jelas. Ia juga melibatkan struktur usaha secara berperingkat untuk mencapai sasaran. Senarai sasaran melalui hasil aktiviti dalam pelan perancangan akan dijadikan sebagai pelan pemantauan untuk memudahkan pihak pengurusan tertinggi organisasi atau institusi untuk membuat penilaian dan mengukur prestasi keseluruhan. Pelaksanaan perancangan strategik di organisasi atau institusi akan lebih berkualiti sekiranya ia bukan hanya dibuat kerana terpaksa dan semata-mata memenuhi kehendak peng-



Faedah Pelaksanaan Perancangan Strategik



-urusan tertinggi. Ianya dapat direalisasikan dengan adanya kefahaman yang tinggi dalam kalangan staf mengenai kepentingan perancangan berkenaan berdasarkan keperluan pelaksanaan serta adanya penghayatan oleh pelaksana. Pelaksanaan akan lebih jelas dengan visi dan misi yang ditetapkan. Perancangan yang telah disusun akan menjadi selari dengan penetapan visi dan misi utama serta mengambil kira juga aspek persekitaran atau situasi yang menyokong secara dalaman mahupun luaran. Pembangunan perancangan yang baik akan menjamin kejayaan organisasi atau institusi.



BICARA PENGALAMAN: PERKONGSIAN MAKLUMAT BERSAMA PELAJAR SEKOLAH RENDAH

Oleh : Hasliza binti Mohamed

Berpeluang mengendalikan program khidmat komuniti memberikan banyak peluang, pengalaman dan mewujudkan perhubungan baru dengan komuniti setempat. Melalui aktiviti perkongsian maklumat melalui program khidmat komuniti yang dijalankan di Pusat Sumber Ibnu Khaldun, Sekolah Kebangsaan Sungai Udang (2020), Pusat Sumber, Sekolah Kebangsaan Seri Bemban pada 6-7 Disember 2022 dan Sekolah Kebangsaan Bukit Senggeh pada 9 Disember 2022, ianya memberi kepuasan yang besar setelah pelajar mengakhiri kelas perkongsian maklumat dengan pemahaman dan keceriaan pada wajah pelajar. Bagi memastikan kelas yang diberikan berjalan dengan sempurna, persediaan awal adalah penting bagi memastikan proses perkongsian maklumat dapat disampaikan dengan baik. Antara persediaan yang dilakukan adalah:

1. Perbincangan dan lawatan ke Perpustakaan sekolah

Perbincangan peringkat awal bersama pihak sekolah sangat penting bagi mengetahui keperluan untuk tujuan penyesuaian modul pengajaran, contoh yang akan disampaikan, cadangan penambahbaikan dan keperluan bahan latihan.

2. Modul Pengajaran

Modul pengajaran pertama kali dibangunkan adalah berasaskan ilmu asas pengurusan perpustakaan yang disesuaikan mengikut tahap pemahaman pelajar sekolah rendah dan keperluan penambahbaikan

perpustakaan sekolah. Modul sedia ada yang disediakan akan ditambahbaik atau diubah isi kandungan yang disampaikan bagi menyesuaikan dengan situasi semasa perpustakaan sekolah yang lain.

3. Pasukan fasilitator

Tugas penyampaian maklumat juga diagihkan kepada 'team' fasilitator bagi memudahkan mereka membantu secara berfokus kepada pelajar di dalam kumpulan kecil. Diperingkat awal 'team' fasilitator akan diberikan penerangan berkenaan tugas di dalam kumpulan serta persediaan bahan mengajar.

4. Bahasa yang digunakan

Bekerja di universiti, telah membentuk gaya bahasa di aras pemahaman pelajar Diploma sehingga golongan akademik. Laras bahasa perlu diubah dari segi intonasi dan perkataan yang mudah difahami oleh pelajar sekolah rendah.

5. Teori dan praktikal

Pelajar diterangkan maklumat secara teori seterusnya diberikan latihan praktikal bagi memastikan maklumat yang diberikan sampai dan difahami.

6. Kuiz pemahaman

Soalan pemahaman diberikan secara individu dan berkumpulan bagi melihat tahap pemahaman pelajar daripada awal hingga akhir sesi perkongsian maklumat. Hadiah diberikan sebagai galakan kepada pelajar.



PROGRAM SEMBANG AUT_eM@MEMORI KORPORAT: MENELUSURI KECEMERLANGAN DAN KEGEMILANGAN UT_eM SESI 2: TIADA DULU, TIADALAH SEKARANG

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat



Pada 21 Disember 2022, program anjuran Perpustakaan Laman Hikmah dengan kerjasama Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan, Pejabat HEPA telah dirasmikan oleh YBrs. Profesor Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin, Naib Canselor UT_eM. Pelbagai perkongsian ilmu dan pengalaman bermanfaat telah disampaikan oleh 4 orang Alumni UT_eM iaitu En. Noorazam Shah (FTMK, 2005), Ts. Dr. Al Amin (FKP, 2006), Cik Ume Nur Ashikien (FKP, 2016) & Cik Najwa Alia (FPTT, 2020).

Program ini merupakan sesi kedua dijalankan di mana sesi pertama telah diadakan pada 9 Jun 2022 yang bertemakan Di sini segala bermula yang menampilkan ahli-ahli panel terdiri daripada pelajar-pelajar UT_eM batch pertama 2001. Pada kali ini, kombinasi alumni baharu dan lama dapat mencambahkan lagi kisah-kisah sejarah dan peristiwa yang memberikan simbolisme kepada UT_eM yang dapat dikongsi bersama pelajar UT_eM yang kelak akan bergelar graduan.

Memetik ucapan Naib Canselor, beliau menyatakan bahawa Alumni merupakan aset penting dan mempunyai nilai tersendiri bagi menjamin kelestarian masa depan sesebuah universiti. Sumbangan tenaga dan buah fikiran alumni juga merupakan aset intelektual universiti untuk kepentingan serta pembangunan mahasiswa sedia ada.


Turut hadir YBrs. Ts. Dr. Zahri bin Yunos, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, YBrs. Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim, TNC (A&A) dan YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar, TNC (P&I) serta Pegawai-Pegawai Kanan Universiti. Anggaran jumlah kehadiran penonton pada program ini adalah sebanyak 80 orang yang terdiri daripada pelajar dan staf UT_eM.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan nyanyian oleh pelajar praktikal UT_eM, Lukman Haziq bin Sahailani yang menyampaikan tiga buah lagu iaitu Gemuruh (Faizal Tahir), 'For The Rest of My Life' (Maher Zain) dan Belum Siap Kehilangan (Stevan Pasaribu) secara berselang-seli dengan soalan-soalan yang dibincangkan bersama moderator dan panel.

Bagi menggamatkan program ini, sesi cabutan bertuah juga turut diberikan. Sebanyak 69 cabutan bertuah telah berjaya diperolehi oleh para pelajar dan staf di mana semua cabutan bertuah ini merupakan sumbangan daripada YBrs. Ts. Dr. Zahri bin Yunos, Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan juga Persatuan Alumni UT_eM (AUT_eM).

PENERBITAN PLH 2022: BUKU PERSADA ILMU

Oleh : Rasida binti Abu Bakar & Nurul Akmar binti Mehat



ISBN 978-967-2792-30-7

165 muka surat | 25 x 31 cm | 2022

Penerbit UTeM Press

Buku ini merupakan satu catatan memori pencapaian dan sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) sebagai peneraju pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) selama dua dekad (2000-2020) penubuhannya. Ia menelusuri kisah bagaimana PLH bermula, seterusnya berkembang sebagai sebuah gedung ilmu yang berfungsi dan mencakupi kemajuan dalam aspek bidang kepustakawanan dan maklumat, pemeliharaan khazanah intelek universiti, penyemarakan amalan membaca dan pembudayaan amalan penyelidikan.



TABUNG SUMBANGAN PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menubuhkan Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah pada tahun ini yang bertujuan untuk mendapatkan sumbangan daripada orang ramai dalam menampung perbelanjaan, pembelian, penyelenggaraan berkaitan fasiliti, perkhidmatan dan sumber rujukan PLH dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, pihak perpustakaan menjemput kepada para dermawan menyokong usaha ini dengan menghulurkan dana ke Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah ini.

Sumbangan yang diberikan layak untuk mendapat pelepasan cukai pendapatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) – Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) Subseksyen 44 (Derma/ Hadiah Wang Untuk Kemudahan Perpustakaan atau Kepada Perpustakaan).

Sumbangan boleh dilakukan dalam bentuk cek/ bank draf/ wang pos/ kiriman wang yang dipalangkan atas nama Bendahari UTeM atau pembayaran melalui pindahan dalam talian dan dikreditkan terus ke akaun berikut :-

Tabung Sumbangan PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

PENGENALAN

Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah diwujudkan untuk mengumpul dana atau sumbangan dari masyarakat bagi tujuan menampung perbelanjaan, pembelian, penyelenggaraan berkaitan fasiliti, perkhidmatan dan sumber rujukan di PLH dari semasa ke semasa.

Merupakan peluang kepada warga UTeM serta masyarakat sekeliling untuk bersama-sama memberikan sebahagian harta pada jalan Allah dengan menyumbang kepada pembangunan perpustakaan sebagai gedung ilmu.

Memupuk rasa kebersamaan di kalangan warga universiti dan masyarakat di dalam menyokong ke arah peningkatan dan peradaban ilmu demi generasi akan datang.

PENGGUNAAN TABUNG SUMBANGAN PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

- Pembelian dan penyelenggaraan fasiliti di PLH.
- Perolehan buku fizikal, e-book, sumber elektronik dalam talian termasuklah kos pemuliharaan dan pemeliharaan koleksi.
- Perbelanjaan bagi penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan; atau
- Lain-lain yang akan ditentukan pihak pengurusan PLH.

FAEDAH KEPADA PENYUMBANG

Penyumbang layak mendapat pelepasan cukai pendapatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) – Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) Subseksyen 44 (8) (Derma/ Hadiah Wang Untuk Kemudahan Perpustakaan atau Kepada Perpustakaan).

KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI :

Encik Arman bin Mohammad / 06-2701182 / 019-6806499 | arman@utem.edu.my
 Encik Zaidi bin Saad / 06-2701225 / 019-9226651 | zaidi@utem.edu.my
 Puan Fauziah Binti Hassan / 06-2701198 / 016-6657850 / fauziahhassan@utem.edu.my

BANK ISLAM
 Nama Akaun : Universiti Teknikal Malaysia Melaka
 No. Akaun : 04042010000833
 Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad
 Rujukan : Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah
 Sila masukkan id akaun dan nombor perbelanjaan untuk tujuan pengalihan wang ke akaun.

Barang
 Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah
 bit.ly/LW980p

Perpustakaan Laman Hikmah

Nama Akaun : Universiti Teknikal Malaysia Melaka

No. Akaun : 04042010000833

Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad

Rujukan : Tabung Sumbangan Perpustakaan Laman Hikmah

Untuk maklumat lanjut sila berhubung dengan:

Encik Arman bin Mohammad di talian 06-2701182/019-6806499 (arman@utem.edu.my)

Encik Zaidi bin Saad di talian 06-2701225/019-9226651 (zaidi@utem.edu.my)

Puan Fauziah Binti Hassan di talian 06-2701198/016-6657850 (fauziahhassan@utem.edu.my).

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & ANUGERAH JASA BAKTI 2021

Oleh : Mez Zelina binti Yusof

Tahniah diucapkan kepada empat (4) orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) bagi tahun 2021 iaitu Puan Suhadawati Binti Ahmad, Puan Hasliza Binti Mohamed, Encik Mohamed Rashid Bin Mat Derus dan Puan Suzana Binti Lazim di atas pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2021.

Tidak lupa juga ucapan tahniah kepada enam orang staf Perpustakaan Laman Hikmah iaitu Encik Noor Rahman Jamiah Bin Jalil, Encik Muhammad Rashid Bin Mat Derus, Encik Ahmad Bin Abu Bakar, Encik Zulkarnaen Bin Mahat, Puan Norfahrizan Binti Juhari dan Puan Khairunnisa Binti Abdullah di atas penerimaan Anugerah Jasa Bakti iaitu 20 tahun perkhidmatan.

Kesemua penerima anugerah telah diraikan di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Jasa Universiti 2021 yang telah diadakan pada 29 Julai 2022 yang lalu bertempat di Dewan Canselor, UTeM.

Semoga kejayaan ini dapat menjadi pendorong kepada staf perpustakaan yang lain untuk terus cemerlang dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan pada masa akan datang.



BELASUNGKAWA

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Selamat pulang ke rumah abadi sahabat.

Perginya Encik Azman bin Haji Ayub ke ke rahmatullah pada 11 Oktober 2022 bersamaan 14 Rabiulawal 1444H kira-kira jam 7.00 petang begitu mengejutkan seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Allahyarham merupakan Pustakawan di Perpustakaan Laman Hikmah UTeM yang telah berkhidmat selama 20 tahun bermula dari tahun 2002 dengan nombor staf 00256, jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Pustakawan.

Allahyarham terkenal dengan sifatnya yang lemah lembut, suka tersenyum dan sentiasa sudi membantu rakan-rakan sejawatan, menyebabkan kehilangannya amat dirasai.

Jika ditanya pada setiap yang mengenali susuk tubuh Allahyarham, semua akan menyatakan beliau adalah seorang yang sangat baik hati dan merupakan seorang rakan dan juga ketua yang amat disenangi oleh setiap individu yang mengenalinya.

PLH dengan rasa dukacita merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham, semoga roh Allahyarham di tempatkan di kalangan orang-orang yang beramal soleh. Al fatihah.





Aktiviti @ 2022



**Perpustakaan Laman Hikmah
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100
Durian Tunggal, Melaka.**

Phone: +6062701200

Fax: +6062701039

Email: lamanhikmah@utem.edu.my

Edisi dalam talian: [Buletin Perpustakaan \(utem.edu.my\)](http://BuletinPerpustakaan.utem.edu.my)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA